

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cadangan menjadikan kawasan China Town Pusat Bandaraya Kuala Lumpur sebagai kota warisan dan terpelihara dari kemasukan warga asing baik untuk kediaman dan perniagaan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020), telah menetapkan kawasan sekitar Jalan Petaling, Jalan Tun Tan Cheng Lock, dan Jalan Tun HS Lee sebagai Kawasan Warisan Sekunder (*Secondary Heritage Area*) yang merangkumi bangunan kedai lama dan bersejarah. Kawasan ini perlu mengekalkan karekter kawasan rumah kedai dalam bentuk pemeliharaan fakad, reka bentuk dan persekitaraan dengan kawalan pembangunan berdasarkan garis panduan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Seterusnya, kawalan berhubung penglibatan warga asing baik untuk kediaman dan premis perniagaan adalah tertakluk kepada garis panduan “Permohonan Lesen Premis Perniagaan oleh Pemohon atau Syarikat Warganegara Asing” dan bagi tapak- tapak gerai, pengoperasion oleh warga asing adalah tidak dibenarkan. Tindakan penguatkuasaan secara berterusan juga akan dilaksanakan selaras dengan hasrat memastikan pematuhan terhadap garipanduan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.